



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 2 Tahun 2022

JENIS PROGRAM / AKTIVITI LUAR YANG WAJAR DIKENAKAN BAYARAN PENUH, SEPARUH BAYARAN DAN TANPA BAYARAN BAGI PENGGUNAAN BAS RASMI UiTM DAN KADAR SEWAAN BAGI KENDERAAN UiTM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju untuk menggunakan cadangan Jenis program / aktiviti luar yang wajar dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan bas rasmi UiTM dan kadar sewaan bagi kenderaan UiTM secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Menyenaraikan segala aktiviti / program pelajar mahupun staf yang tidak dikenakan bayaran, separuh bayaran dan bayaran penuh bagi penggunaan kenderaan rasmi UiTM.
3. Cadangan kadar-kadar bagi sewaan kenderaan UiTM yang baharu bagi menggantikan kadar sewaan lama yang telah diluluskan oleh mesyuarat JKP pada 26 September 2017.
4. Memberi peluang kepada warga UiTM serta pihak-pihak luar untuk menyewa kenderaan UiTM seperti bas dan lori.

PELAKSANAAN

5. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 8/2022 pada 16 Mac 2022 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan ke 228 Agenda D 5705 pada 25 April 2022 telah meluluskan permohonan cadangan Jenis program / aktiviti luar yang wajar

dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan bas rasmi UiTM dan kadar sewaan bagi kenderaan UiTM secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM.

6. Pelaksanaan kepada semua PTJ / Fakulti / Kampus.
7. PTJ / Fakulti / Kampus bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada warga UiTM dan pihak-pihak luar berkenaan penggunaan kenderaan rasmi UiTM yang boleh disewakan.
8. Bahagian Pengurusan Kenderaan / Pentadbiran Kampus-kampus cawangan adalah digalakkan untuk menyewakan kenderaan mereka agar dapat menjana hasil bagi pihak universiti.

PEMAKAIAN

9. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 20 Mei 2022

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Mei 2022



PROF. DATO' Ir. Ts. Dr. HAJI MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM*

Bil. Fail: 100-PP11 (BPK.6/7)

Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti berkeputusan bersetuju dengan cadangan jenis program/ aktiviti luar yang wajar dikenakan bayaran penuh, separuh bayaran dan tanpa bayaran bagi penggunaan bas rasmi UiTM dan kadar sewaan bagi kenderaan UiTM seperti berikut:

a) Jenis Program Yang Tidak Dikenakan Sebarang Caj.

BIL	JENIS PROGRAM / AKTIVITI	JUSTIFIKASI
1.	Program keperluan silibus dalam sesuatu Kod kursus akademik	Program tersebut adalah bagi keperluan dalam kursus / subjek akademik
2.	Program peringkat Universiti	Program yang dijalankan adalah program di peringkat universiti
3.	Program Persatuan Dalam Peringkat Universiti	Program yang dihadiri adalah yang mewakili Universiti dalam sesuatu pertandingan
4.	Program Ko-Kurikulum	Program yang dihadiri pelajar bagi melengkapkan keperluan silibus Ko-Kurikulum

b) Jenis Program Dikenakan Separuh Caj Bayaran

BIL	JENIS PROGRAM / AKTIVITI	JUSTIFIKASI
1.	Program lawatan akademik yang merupakan bukan keperluan dalam silibus akademik	Program adalah tidak wajib dan bukan keperluan kursus tetapi sebagai pendedahan kepada para pelajar untuk lawatan
2.	Program Persatuan Dalam Peringkat Fakulti	Keperluan yang pelbagai yang bukanlah satu kemestian
3.	Permohonan dari kampus cawangan	Sumbangan Tabung Perkhidmatan Bas dari yuran pelajar akan disalurkan mengikut kampus masing-masing

c) Jenis Program Dengan Caj Bayaran Penuh

BIL	JENIS PROGRAM / AKTIVITI	JUSTIFIKASI
1.	Program Santai	Program yang dijalankan tiada kaitan langsung dengan urusan rasmi UiTM

d) Bagi sebarang permohonan pengurangan atau pengecualian caj bayaran sewa perlu mendapat **kelulusan Naib Canselor**

e) Kadar Baru Bagi Sewaan Kenderaan UiTM

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Kos Penyewaan meliputi bayaran parking, bayaran tol dan elaun-elaun pemandu (Mengikut kelayakan dan kadar tuntutan pemandu)	RM 50.00/jam. Anggaran jumlah penggunaan masa perlu diberikan bagi tujuan pengiraan (Masa sebenar akan diambil di akhir perjalanan)
2.	Kos Penyelenggaraan Kenderaan	RM 200.00 / perjalanan. Hari ke-2 hingga ke-4. Tambahan RM 100.00 / hari. Hari ke-5 dan seterusnya. Tambahan RM 50.00 / hari (Caj tetap bagi setiap kenderaan yang disewa)
3.	Kos Bahan Api	(Harga Semasa Bahan Api) x (Anggaran Jumlah Kilometer) / 8 km (Kiraan sebenar akan ditentukan berdasarkan penggunaan bahan api sebenar)